




MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ; AL-QURAN MUKJIZAT SEPANJANG ZAMAN



Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





“AL-QURAN MUKJIZAT SEPANJANG ZAMAN”.1

الحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ ¹	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk “AL-QURAN MUKJIZAT SEPANJANG ZAMAN”.	6

¹ Al-Baqarah: 185.



Kita kini berada dalam bulan Ramadhan, bulan yang secara fitrahnya mendekatkan hati-hati orang beriman dengan al-Quran. Mengapa suasana ini begitu terasa? Kerana sesungguhnya al-Quran dan Ramadhan adalah dua anugerah yang tidak dapat dipisahkan. Pada bulan inilah al-Quran diturunkan, bermula pada malam yang penuh keberkatan, dari <i>Lawh al-Mahfuz</i> ke <i>Bait al-‘Izzah</i> di langit dunia, seterusnya diturunkan kepada Rasulullah SAW. Baginda menerima wahyu tersebut secara beransur-ansur selama dua puluh tiga tahun, sesuai dengan keperluan, peristiwa dan hikmah yang mengajar umat.	7
Firman Allah SWT dalam surah al-Dukhan ayat 3: إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبَارَكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ.	8
<i>“Sesungguhnya Kami menurunkan al-Quran pada malam yang berkat. Sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran”.</i>	9
Daripada ayat ini jelas bahawa malam yang diberkati itu menjadi titik permulaan turunnya wahyu yang mengejutkan manusia daripada kelalaian. Seolah-olah Allah SWT mengajar kita bahawa keberkatan yang sebenar bukan semata-mata pada suasana malam tersebut, tetapi pada mesej yang dibawa oleh al-Quran itu sendiri iaitu memberi kesedaran kepada manusia.	10



Tujuan utama al-Quran diturunkan adalah untuk dihayati sebagai petunjuk dan panduan hidup. Dengannya kita mampu membezakan antara perkara yang benar dan batil, serta menjadi perlembagaan kehidupan buat kita menuju keredaan Allah SWT. Justeru, membaca al-Quran bukan amalan biasa, ia zikir yang paling utama dan ibadah yang besar sumber pahalanya di sisi Allah SWT.	11
Hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud <i>Radhiallahuanhu</i> bahawa Rasulullah SAW bersabda: مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا لَا أَقُولُ الْمَ حَرْفٌ، وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلَا مٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ	12
<i>“Sesiapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah baginya satu kebaikan, dan kebaikan itu digandakan dengan sepuluh kebaikan sepertinya, aku tidak berkata ‘Alif Lam Mim’ satu huruf, tetapi ‘Alif’ satu huruf, ‘Lam’ satu huruf dan ‘Mim’ satu huruf”.</i> <i>(Riwayat al-Tirmizi).</i>	13
Inilah keistimewaan al-Quran kalam Allah SWT, mukjizat yang hidup sepanjang zaman. Semakin dibaca, semakin terasa kelazatannya. Semakin ditadabbur, semakin tersingkap hikmah dan pengajarannya. Ia juga boleh menjadi rahmat dan penawar bagi orang-orang yang beriman.	14



Para ulama, antaranya al-Imam al-Nawawi *Rahimahullah*, menjelaskan bahawa antara amalan yang sangat dituntut dalam bulan Ramadhan ialah memperbanyakkan bacaan al-Quran, lebih-lebih lagi pada sepuluh malam terakhir, khususnya malam-malam yang ganjil. Amatlah beruntung jikalau tadarus al-Quran dihidupkan sebagai budaya dalam rumah bersama ahli keluarga, di masjid, mahupun di surau bersama jemaah. Melalui tadarus, kita dapat saling memperbetulkan bacaan di samping mengeratkan silaturahim dan ukhuwah sesama kita.

15

Tidak perlu malu sekiranya bacaan al-Quran kita masih tidak sebaik orang lain ketika sesi tadarus al-Quran. Sesungguhnya sesiapa yang berusaha membaca dan mempelajari al-Quran dengan bersusah payah akan diberi dua ganjaran pahala. Ini sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah *Radiallahuanha* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

16

الْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ، وَالَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ
وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ

“Orang yang mahir membaca al-Quran, maka dia akan ditemani oleh para Malaikat para pencatat yang mulia. Manakala orang yang membaca al-Quran dengan gagap dan menghadapi kepayahan ketika membacanya, maka dia mendapat dua pahala”.

17

(Riwayat Muslim)



Jadi, janganlah kita terlalu leka dengan gajet dan media sosial hingga terlupa untuk mengejar fadhilat Ramadhan yang terpampang di depan mata. Manfaatkanlah kemudahan teknologi yang ada ke arah kebaikan. Jadikan gajet yang berada di tangan kita sebagai wasilah untuk merebut kelebihan Ramadhan sama ada dengan membaca, mendengar dan mempelajari al-Quran. Hari ini, al-Quran boleh diakses dengan mudah, di mana sahaja dan pada bila-bila masa.	18
Andai hari ini masih berlaku rasuah, pengkhianatan amanah, kelalaian dalam ibadah, keruntuhan akhlak dan perpecahan dalam masyarakat, maka puncanya bukan kerana ketiadaan petunjuk, tetapi kerana manusia itu sendiri menjauhkan diri daripada al-Quran,	19
sedangkan Allah SWT telah menyatakan dalam Surah Muhammad ayat 24 yang bermaksud: <i>“(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami dan memikirkan isi al-Quran? Atau hati mereka sudah terkunci (sehingga terhalang daripada menerima ajaran al-Quran)?”.</i>	20
Di sinilah kita melihat bahawa al-Quran merupakan mukjizat dan kurniaan Allah SWT yang perlu dijadikan pegangan dalam kehidupan kita. Ia bukan sekadar dibaca, tetapi perlu diterokai, direnungi dan diamalkan agar menjadi cahaya yang menuntun setiap langkah perbuatan kita.	21



Oleh itu, manfaatkanlah bulan yang mulia ini dengan membaca al-Quran, mentadabburnya dan mengamalkan setiap pengajaran yang terkandung di dalamnya. Tanamkan tekad dan keazaman kita untuk istiqamah mempelajari, membaca, dan memahami ayat-ayat Allah SWT. Usaha ini insya-Allah akan membentuk refleksi akhlak al-Quran dalam perbuatan, percakapan, sikap dan amalan seharian kita seterusnya akan melahirkan umat Islam yang cemerlang dan benar-benar hidup dengan cahaya petunjuk al-Quran.

22

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mari bersama kita mengambil pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa al-Quran adalah mukjizat Allah SWT. Membacanya mendatangkan pahala, mentadabburnya menambah ilmu dan kefahaman serta mendekatkan kita kepada Allah SWT.

2. Umat Islam hendaklah mengamalkan pengajaran al-Quran dalam setiap aspek kehidupan sama ada dalam ibadah, akhlak, tanggungjawab sosial dan interaksi sesama manusia supaya setiap perbuatan, percakapan dan sikap kita mencerminkan nilai-nilai yang terkandung dalam al-Quran.

3. Umat Islam hendaklah istiqamah membaca dan memahami ayat-ayat al-Quran setiap hari, lebih-lebih lagi di bulan Ramadhan, kerana setiap bacaan dan usaha kita memahami al-Quran membawa ganjaran yang besar di sisi Allah SWT.

23

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا
وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تَجَرَّةً لَّنْ تَبُورَ

24



“Sesungguhnya orang yang selalu membaca kitab Allah dan mendirikan solat serta membelanjakan sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka secara sembunyi atau terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan perdagangan yang tidak akan mengalami kerugian”.

(Surah Fatir: 29).

25

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

26

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

27



KHUTBAH KEDUA

1	اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ اَنْزَلَ الشَّرِيْعَةَ هٰدِيًّ لِّلنَّاسِ وَرَحْمَةً، اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.
2	. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ.
3	اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ اَوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.
4	اِنَّ اللّٰهَ وَمَلٰٓئِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلٰى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا. ²
5	اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ اٰجْمَعِيْنَ.
6	اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمٰتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنٰتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.
7	اللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاجْعَلْ هٰذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّظْمًئًا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

² Al-Ahzab: 56.



8	اللَّهُمَّ وَفِّقْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ لِمَا فِيهِ صَلَاحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
10	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
11	وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
12	اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
13	Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat <i>Radiallahuamhum</i> , seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali..



Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.	14
Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.	
Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.	15
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.³	16
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁴	17
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	21

³ Al-Baqarah: 201.

⁴ Al-Nahl: 90.